

D971

R B782 BAH
MAHATHIR - TELEVISYEN

KOTA BAHARU, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERJASAMA PARTI SEMANGAT 46 DENGAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) MENUNJUKKAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENYOKONG PENUBUHAN SEBUAH STESEN TELEVISYEN DI SABAH YANG DIKATAKAN UNTUK TUJUAN MENGEMBANGKAN AGAMA KRISTIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM MANIFESTO PBB TELAH DITERANGKAN TENTANG TUJUAN PARTI ITU HENDAK MENUBUHKAN SEBUAH STESEN TELEVISYEN.

+TETAPI DIA (PRESIDEN PBS, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN) KATA PARTI SEMANGAT 46 PUNYA MANIFESTO SAMA DENGAN MANIFESTO DIA (PBS). DALAM MANIFESTO DIA, DIA TERANGKAN TENTANG TUJUAN DIA NAK ADAKAN STESEN TELEVISYEN.

+TENGGU RAZALEIGH SOKONG SUPAYA DIA (PBS) DIBERI STESEN TELEVISYEN DENGAN MAKSUD ITU. JADI SAYA TAK BOLEH NAK KATA APALAH KALAU DAH TENGGU RAZALEIGH JADI PERDANA MENTERI, + KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN CALON-CALON BARISAN NASIONAL (BN) NEGERI, DI DI SINI. PERJUMPAAN TERTUTUP ITU BERLANGSUNG KIRA-KIRA DUA JAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA DITANYA MENGENAI LAPORAN AKHBAR HARI INI YANG MENYATAKAN PENYOKONG-PENYOKONG DATUK PAIRIN MARAH KERANA DATUK PAIRIN SEHINGGA INI TIDAK DAPAT MENUNAIKAN JANJI UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH STESEN TELEVISYEN DI SABAH BAGI MENGEMBANGKAN AGAMA KRISTIAN. -- LAGI.

1630MST 18 10 90

D973

R B784 BAH
MAHATHIR - TELEVISYEN 2 KOTA BAHARU

LAPORAN ITU JUGA MENYEBUT KEGAGALAN MENUNAIKAN JANJI ITU MENJADI PENDORONG UTAMA BAGI DATUK PAIRIN MENGAMBIL TINDAKAN MEMBAWA PARTINYA KELUAR DARI BN.

LAPORAN ITU MENYATAKAN BAHAWA STESEN TELEVISYEN ADALAH SALAH SATU JANJI UTAMA DATUK SERI PAIRIN KEPADA ANGGOTA PARTINYA SEJAK PILIHAN RAYA 1986.

PERDANA MENTERI BERKATA +KITA MEMPUNYAI TELIVISYEN TETAPI TIDAK MENGGUNAKAN UNTUK TUJUAN SEPERTI ITU.+

KATANYA, SUKAR BAGI KERAJAAN MEMBERI KEBENARAN KEPADA DATUK PAIRIN MENUBUHKAN STESEN TELEVISYEN UNTUK TUJUAN ITU;

KETIKA DITANYA MENGENAI KERJASAMA UMNO DENGAN PAS, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, UMNO MENERIMA SESIAPA SAHAJA YANG HENDAK BEKERJASAMA DENGANNYA. -- LAGI.

1633MST 18 10 90